

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	23 JUNE 2017

Isu 'siapa PM' lemaskan pembangkang

BH - 23/6/2017 pg.11

Menarik sekali bila di saat menyambut hari raya ini berkesempatan membaca wawancara empat pemimpin tinggi Pakatan Harapan (PH) di dalam laporan akhbar mingguan *The Edge Malaysia* keluaran 19-25 Jun bertajuk 'Run-Up to GE 14' (Menjelang PRU-14).

Pemimpin tinggi PH ini ialah Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun Dr Mahathir Mohamad; Naib Presiden merangkap Pengarah Pilihan Raya PKR, Nurul Izzah Anwar; Pengarah Strategi Parti Amanah Negara (PAN), Dr Dzulkefly Ahmad dan Pengarah Pendidikan Politik Kebangsaan merangkap Pengerusi DAP Johor, Liew Chin Tong.

Paling menarik adalah pengakuan terbuka Chin Tong, yang di perkenalkan sebagai 'Strategis DAP', mengenai kelemahan PH. "Kita tidak kuat", kata beliau, 'sebahagiannya kerana persoalan kepemimpinan kita sendiri', termasuk "siapa akan jadi PM?". Chin Tong juga mengaku bahawa PH hanya sekadar tahu menyerang tetapi mempunyai masalah di dalam menawarkan dasar mereka, dengan berkata, "offer(ing) policies is where we are lacking".

Turut diakui adalah tahap so-

kongan pengundi bukan Melayu, khususnya pengundi Cina, terhadap PH sekarang menurun pada tahap 65 peratus berbanding 85 peratus di dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) kerana faktor "kepenatan" ("fatigue"). Sebab itulah, bagi Chin Tong, PRU-14 'sangat sukar untuk PH menangi' kerana ia hanya akan berlaku bila pengundi Melayu yang biasanya mengundi untuk UMNO mengundi untuk lain-lain parti dan ini perlu berlaku secara menyeluruh.

Chin Tong mengakhiri wawancara ini dengan nada pesimis, "sama ada kita boleh mencipta satu keajaiban, saya tidak pasti".

Malah, kenyataan Dr Mahathir, Nurul Izzah dan Dr Dzulkefly di dalam wawancara sama pun jelas memancarkan kebenaran apa yang Chin Tong katakan ini.

Masalah dalaman

Pengakuan Chin Tong bahawa PH mempunyai masalah di dalam menawarkan dasar mereka, selain terbukti di dalam kegagalan PH mengemukakan dasar bersama mereka, turut terlihat di dalam wawancara tiga pemimpin PH berkenaan. Bila dimaklumkan bahawa pengundi sedang menanyakan apa yang PH boleh tawarkan jika mereka membentuk kerajaan,

an, Dr Mahathir sekadar memberi jawapan pendek "urus-tadbir baik" tanpa mampu memberikan sebarang perincian mengenainya.

Bila ditanya mengenai dasar ekonomi yang akan PH laksanakan jika mereka memerintah, Nurul Izzah sekadar mampu memberikan jawapan kabur seperti "jika anda boleh menangani kebocoran", "kesukaran meruntuhkan satu sistem yang telah dilaksanakan", "satu pelan keluar" atau menyatakan "Malaysia di bawah pemerintahan PH tentunya akan menjadi satu pemanjangan kepada Selangor dan Pulau Pinang".

Bila dimaklumkan bahawa ramai pengundi tidak berani mengambil risiko dengan PH, Dr Dzulkefly pula sekadar menyatakan "adalah penting dan kritikal bahawa PH mesti boleh menyatakan dan mempertahankan dasarnya dengan lantang dan jelas" dan "kita akan menerangkan dengan jelas dasar dan manifesto kita serta apa kita akan buat jika kita menawan Putrajaya" tanpa mampu memberikan sebarang perincian mengenainya.

Begitu juga dengan persoalan "siapa akan jadi PM?" yang didakwa Chin Tong sebagai sebahagian punca kenapa PH "tidak kuat".

Persoalan ini berkait-rapat pula

dengan isu kepercayaan antara Anwar dan Dr Mahathir serta orang mereka yang turut ditimbulkan oleh Chin Tong kerana sehingga ke hari ini unsur keraguan antara satu sama lain kelihatan masih membara, khususnya keraguan pendokong PKR terhadap Dr Mahathir.

Tentangan lonjak Dr Mahathir

Di dalam wawancara ini sekalipun, Nurul Izzah, walaupun mengakui tidak pernah membenci Dr Mahathir dan hanya membenci tindakan beliau, masih mengulang-ulang hakikat Dr Mahathir memerintah secara kuku besi walaupun setelah PKR kini bergabung dengan PPBM.

Tentangan kuat PKR terhadap usaha untuk melonjakkan Dr Mahathir ini sekali gus menjadi petanda bahawa isu kepercayaan antara Anwar dan Dr Mahathir serta orang mereka tetap tidak akan reda, walaupun jika beliau berjaya dilonjakkan sekalipun.

Sebab itulah telahan Chin Tong bahawa satu keajaiban jika PH mampu menawan Putrajaya, dan bahawa beliau sendiri tidak pasti jika keajaiban ini berjaya dicipta, perlu diakui oleh pemimpin PH lain yang tidak seharusnya lena dibuai mimpi musim raya.

Komentar



Dr Kamarul Zaman Yusoff

Felo Utama Institut Kajian Strategik Islam Malaysia (IKSIM) dan Pengarah Pusat Kajian Politik Malaysia (MAPAN), Universiti Utara Malaysia